

B200002354

**KAJIAN PERANCANGAN TEMPAT LETAK MOTOSIKAL  
RUMAH PANGSA**

**KAJIAN KES : RUMAH PANGSA SEKSYEN 16 DAN SEKSYEN 17  
SHAH ALAM**

**Oleh**

**RAZALI BIN A. RAHMAN**

**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam**

**April 1994**

## **Penghargaan**

Disini penulis pertama sekali bersyukur kehadrat Illahi kerana limpah kurnianya dapat juga penulis menyediakan kajian akhir ini mengikut waktu yang ditetapkan. Penulis juga mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada penyelia kajian akhir ini iaitu En. Mohd Shukri Omar kerana banyak memberi tunjuk ajar, pandangan serta panduan yang amat berharga didalam penyediaan kajian akhir ini.

Tidak lupa juga penulis ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada mereka yang telah memberi kerjasama dan terlibat dalam penyediaan kajian akhir ini iaitu En Ahmad Zamri Bin Kamaruddin (Pegawai Perancang MPSA), Cik Shakirah Said (Juruteknik Perancang Bandar MPSA), kakitangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan lain-lain pihak dari jabatan dan agensi yang turut memberikan sumbangan keatas kajian akhir ini.

Akhir sekali penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seisi keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberi galakkan dalam menjayakan kajian akhir ini. Sekian Terima Kasih.

Razali A.Rahman  
Diploma Perancangan Bandar Dan Wilayah  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam , Selangor.

## ABSTRACT

Tempat letak motosikal adalah merupakan satu kemudahan yang amat penting terutamanya kepada pengguna motosikal. Ia dimana pengguna dapat menempatkan motosikal pada satu-satu tempoh masa samada panjang ataupun pendek.Kawasan rumah pangsa seperti di Seksyen 16 dan 17 merupakan satu kawasan kediaman berdensiti tinggi yang mempunyai bilangan pengguna motosikal yang ramai.Ia sekaligus mempunyai permintaan yang tinggi terhadap ruang tempat letak motosikal . Disamping itu tempoh perletakkan motosikal di rumah pangsa juga adalah lama berbeza dengan di kawasan lain . Oleh itu perancangannya juga haruslah berbeza dari tempat letak motosikal kawasan lain kerana faktor ini . Perancangan dan penyediaan tempat letak motosikal terutamanya di kawasan rumah pangsa yang tidak mengambilkira keselesaan pengguna akan mengakibatkan kadar penggunaannya yang rendah.Ia juga akan mengakibatkan pengguna menempatkan motosikal di tempat lain yang difikirkan lebih sesuai,selamat dan selesa. Seperti dikawasan kajian dimana terdapat peratusan yang tinggi pengguna menempatkan motosikal di tepi-tepi blok bangunan , bawah pokok, tepi tangga berbanding di tempat letak motosikal sediada.Semua ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti ketiadaan parking lot yang sesuai,mencari tempat teduh,keselamatan motosikal dan akibat penggunaan parking lot oleh kereta.Keadaan perletakkan motosikal yang tidak sistematik ini juga mengakibatkan masalah kepada penduduk dan pengguna sendiri . Masalah yang wujud seperti perletakkan motosikal yang menghalang pergerakan penduduk,membahayakan kanak-kanak yang bermain,kerosakan lanskap,kecurian motosikal dan kesan visual yang kurang menarik.Adalah dikenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan perancangan tempat letak motosikal kawasan kajian yang kurang memuaskan adalah seperti longgarnya piawaian P.B.T, faktor pemaju dan tarikh pembangunan dijalankan. Oleh itu cadangan diberikan untuk mengatasi masalah-masalah ini iaitu mengetatkan piawaian P.B.T yang sediada.Juga diberikan cadangan tempat letak motosikal yang lebih mengambilkira faktor keselesaan pengguna iaitu tempat letak motosikal berbungkus.Cadangan ini jika dilaksanakan dan diambilkira dalam perancangan tempat letak motosikal rumah pangsa akan datang akan mewujudkan penggunaan yang lebih sistematik dan praktikal.

## **ISI KANDUNGAN**

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Jadual	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Lampiran	v
Senarai Singkat Kata	vii

## **KANDUNGAN**

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.0	Pengenalan	1
1.1	Matlamat	2
1.2	Objektif	2
1.3	Kenyataan Masalah	3
1.4	Kawasan Kajian	4
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Pendekatan Kajian	10
1.7	Carta Aliran Kerja	12
1.8	Had Kajian	13

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Tempat letak motosikal merupakan elemen atau satu kemudahan yang amat penting dalam perancangan dan ia penting bagi menjamin keselesaan pengguna kenderaan ini. Ia amat diperlukan oleh pengguna termasuklah di kawasan perumahan pangsa sama ada sederhana ataupun rendah. Ini kerana penduduk di kawasan tersebut berpendapatan rendah dan sederhana dimana mereka lebih berkemampuan untuk memiliki motosikal sebagai kendaraan utama. Bagi isirumah yang berkongsi menyewa seperti pekerja-pekerja kilang dan sebagainya bilangan motosikal adalah tinggi dan lebih daripada satu motosikal per unit rumah.

Perancangan tempat letak motosikal rumah pangsa kebanyakannya dibuat sambil lewa dan kurang diberikan perhatian yang sewajarnya. Penyediaannya kebanyakannya hanya sekadar memenuhi piawaian dan kadangkala pemaju tidak menyediakan tempat letak motosikal ini sebagaimana yang diwajibkan dan ditetapkan. Penyediaannya tidak mengambilkira faktor-faktor yang penting sebagaimana perlu seperti keperluan pengguna, lokasi, kesesuaian, keselesaan dan praktikal kepada pengguna. Ini menyebabkan banyak masalah yang timbul akibat dari perancangan yang kurang baik dan tidak sistematik.

Disebabkan keadaan dan penyediaan tempat letak motosikal yang kurang praktikal